



04 JUN, 2026

TNB komited pacu agenda peralihan tenaga negara

Harian Metro, Malaysia



TNB komited pacu agenda peralihan tenaga negara

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Bhd (TNB) hari ini komited untuk terus memainkan peranan utama dalam memacu agenda peralihan tenaga negara serta mengakui keperluan segera menangani cabaran perubahan iklim, kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ir Shamsul Ahmad.

Beliau berkata, TNB turut diamanahkan untuk memastikan bekalan elektrik kekal stabil, mudah

diakses dan terjamin bagi jutaan isi rumah, perniagaan serta industri di seluruh negara.

Dalam melaksanakan tanggungjawab itu, TNB terus berpandukan prinsip trilema tenaga, iaitu mengimbangi keterjaminan bekalan tenaga, kemampuan kos dan kemampuan dalam mengharungi peralihan ke arah masa depan yang lebih mampan.

"Kami giat melabur da-

lam penjana tenaga yang lebih bersih, memperluas portfolio tenaga boleh baharu serta mengurangkan intensiti karbon operasi kami. Pada masa sama, kami memperkukuh dan memodenkan grid elektrik bagi menyokong integrasi tenaga boleh baharu yang lebih meluas, di samping meningkatkan fleksibiliti dan daya tahan sistem," kata Shamsul.

Beliau berkata demikian

ketika menyampaikan ucapan alu-aluan pada hari pertama Persidangan Peralihan Tenaga TNB 2026 (ETCON 2026) di sini, semalam. Acara itu menghimpunkan lebih 4,000 peserta tempatan dan antarabangsa.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Seri Fadillah Yusof; Timbalan Menteri Peralihan Tenaga

dan Transformasi Air, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad; Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Mohd Shahrul Abdullah serta Pengerusi TNB, Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid.

Shamsul berkata, komitmen TNB dalam menyediakan masa depan tenaga yang mampan dan boleh dipercayai dicerminkan menerusi pencapaian syarikat utiliti nasional itu yang merekodkan kadar

gangguan bekalan elektrik System Minutes hanya 0.15 minit pada 2025, jauh lebih baik berbanding penanda aras global di bawah 1.5 minit.

Selain itu, beliau berkata, penarafan MSCI ESG TNB turut dinaik taraf kepada AA pada 2026 daripada A pada 2025 sebagai pengiktirafan terhadap usaha kemampuan dan standard tadbir urus syarikat utiliti nasional itu. - Bernama